

## **Persepsi Masyarakat Terhadap Dasar Kesejahteraan Semasa Pandemik Dalam Kalangan Komuniti Rentan Kota Damansara, Selangor**

*Perceptions of the Community Regarding the Welfare Policies During the COVID-19  
Pandemic Among the Vulnerable Communities of Kota Damansara, Selangor*

Norihan Tajudin  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

<sup>1</sup>Program Geografi,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS),  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: [ljab@ukm.edu.my](mailto:ljab@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Pertambahan kes COVID-19 di Malaysia masih tinggi walaupun telah setahun berlalu. Hal ini telah memberikan pelbagai implikasi kepada rakyat Malaysia khususnya golongan rentan yang berpendapatan rendah, tinggal di perumahan sempit di bandar, mempunyai pekerjaan tidak tetap dan sebagainya. Bagi menjaga kesejahteraan rakyat, dari awal penularan pandemik, kerajaan telah menyediakan kemudahan kewangan seperti bantuan PRIHATIN, I-Lestari dari KWSP dan moratorium. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat persepsi atau respon penduduk terhadap dasar kesejahteraan rakyat ini. Responden terdiri dari kalangan B40 yang tinggal di kawasan bandar perumahan flat kos rendah di Kota Damansara. Metodologi yang dipilih ialah kajian tinjauan borang soal-selidik atas talian dan seramai 261 responden berjaya menjawab dengan baik. Kaedah persampelan mudah telah digunakan. Sebanyak 15 kawasan flat telah ditinjau. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden berpendidikan dan pendapatan rendah telah menunjukkan respon positif iaitu 96.2% responden bersetuju dengan bahawa bantuan PRIHATIN amat membantu semasa tempoh pandemik; 90.9% responden bersetuju bahawa kemudahan pengeluaran wang KWSP iaitu i-Lestari semasa tempoh wabak amat efektif; 89.7% responden bersetuju dengan kemudahan moratorium; 95.8% berharap kerajaan akan menambah peruntukan untuk golongan B40; 96.2% berharap dasar kerajaan ditambah baik untuk kebajikan rakyat berpendapatan rendah dan 96.9% akan menyokong kerajaan yang menjaga kesejahteraan rakyat. Kajian ini memberikan implikasi bahawa rakyat sangat menghormati kerajaan yang memahami nasib mereka. Kesimpulannya kajian ini telah menunjukkan sokongan rakyat terhadap kerajaan dalam menjaga kesejahteraan sosial supaya tidak terkesan teruk akibat pandemik.*

**Kata kunci:** *golongan rentan, pandemik COVID-19, kemudahan kewangan, kesejahteraan sosial*

## ABSTRACT

*The increase in COVID-19 cases in Malaysia is still high even though a year has passed. This has given various implications to Malaysians, especially the vulnerable group with low incomes, living in cramped housing in the city, having non-permanent employment and so on. To safeguard the well-being of the people, from the beginning of the epidemic, the government has provided financial facilities such as PRIHATIN assistance, I-Lestari from the EPF and a moratorium. Therefore, this study was conducted to see the perception or response of the population to the welfare policy of the people. Respondents consisted of B40 who live in the urban area of low-cost flat housing in Kota Damansara. The chosen methodology is an online survey and a total of 261 respondents managed to answer well. Simple sampling methods were used. A total of 15 flat areas were surveyed. The results of the study showed that the majority of educated and low-income respondents had shown positive responses. Around 96.2% of respondents agreed that PRIHATIN assistance was very helpful during the epidemic period; 90.9% of respondents agreed that the EPF withdrawal facility (i-Lestari) during the outbreak was very effective; 89.7% of respondents agreed with the moratorium facility; 95.8% of respondents hope the government will increase allocations for the B40 group; 96.2% of respondents hope that government policies will be improved for the welfare of low-income people and 96.9% of respondents will support a government that looks after the well-being of the people. This study gives the implication that citizens have great respect for governments that understand their plight. In conclusion, this study has shown the people's support for the government in maintaining social welfare so as not to be badly affected by the pandemic.*

**Keywords:** *vulnerable groups, COVID-19 pandemic, financial facilities, social well-being*

## 1. Pengenalan

Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang mencabar bagi Malaysia bahkan seluruh dunia amnya dalam mengawal penularan Wabak *CoronavirusDisease* 2019 atau COVID-19. Pandemik ini melibatkan hampir semua negara, memberikan impak jangkitan dan kematian dalam tempoh masa yang cepat serta menyebabkan impak sosial, ekonomi dan politik. Penularan virus ini boleh berlaku melalui jangkitan pernafasan dan sentuhan titisan pernafasan seseorang yang telah dijangkiti oleh virus apabila dia batuk atau bersin, seterusnya menyebabkan gangguan kepada saluran pernafasan dan akhirnya menyebabkan pneumonia yang teruk. Sejak diisytiharkan sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020, penyakit ini telah telah tersebar secara meluas merentasi sempadan yang akhirnya menjangkiti seluruh pelusuk dunia (Ain et al. 2020, Sohrabi et al. 2020, Aydin & Ari 2020, Li et al. 2020, Aragona et al. 2020, Djalante et al. 2020, Javed et al. 2020:Zafir, Nor Liza & Fazilah 2020; Mohd Helmy Mokhtar 2020; &Abdul Basir Mohamad 2020). Bahkan menurut Ketua Pengarah (KP) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Dr. Todres Adhanom mengatakan penularan pandemik dianggarkan mengambil masa selama dua tahun. Namun, kemajuan teknologi, kesatuan dan solidariti antarabangsa akan mempercepatkan usaha membasmi pandemik ini (BBC 22 April). Dalam hal ini, Zaleha Yazid & Shifa Mohd. Nor (2020) menyatakan pendekatan dan perancangan yang sesuai perlu diambil oleh para pemimpin bagi

memastikan organisasi yang dipimpin berjaya mengharungi pandemik yang menguji ini.

Kadar jangkitan juga terus meningkat walaupun telah setahun tiga bulan berlalu iaitu sejak ia diisytiharkan sebagai pandemik global. Pada 1 Jun 2020, jumlah kes COVID-19 di seluruh dunia mencecah 6, 258, 861 kes, dan terbaharu pada 6 Jun 2021 jumlahnya telah menjadi 174,034, 257 kes (Wordometer, 2021). Justeru ada kebenaran kata-kata KP WHO bahawa krisis ini memberikan impak yang sangat besar dalam kehidupan manusia kerana kehilangan orang yang mereka sayangi, kehilangan pekerjaan, ketakutan, ketidakpastian dan sebagainya. Beliau juga menegaskan bahawa pandemik ini bahkan menyebabkan kekuatan ekonomi, ketenteraan dan teknologi negara telah jatuh (World Health Organization 2020). Perkataan ketidakpastian telah menjadikan norma baharu dalam kehidupan penduduk, bahkan pembuat polisi negara. Tambahan pula kadar jangkitan di Malaysia masih belum menunjukkan tanda penurunan yang baik. Sehingga 30 Disember 2020, sebanyak 110, 485 kes kumulatif telah direkodkan. Sehingga penulisan ini ditulis, jumlah kes di Malaysia telah menjadi 616,815 kes kumulatif (KKM 2020b). Negeri Selangor merupakan negeri yang terjejas teruk (202,146 kes kumulatif sehingga 6 Jun 2021) kerana pengaruh kepadatan penduduk. Penduduk yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sudah tentu berada dalam norma ketidakpastian dan memikirkan sampai bilakah keadaan ini akan terus begini.

Kajian Norihan, Mohd Fuad & Junaidi (2020) menyatakan bahawa usaha berterusan Malaysia dan negara lain seperti Thailand, Brunei, Korea Selatan dan Taiwan menyekat penularan pandemik COVID-19 telah menunjukkan kejayaan kesihatan awam dan pihak kerajaan. Justeru indikator peratus pulih yang tinggi memberikan keyakinan untuk Malaysia membuka semula semua kegiatan ekonomi dan sosial. Namun, langkah yang sedia ada perlu diteruskan, untuk memastikan kesejahteraan penduduk terjamin. Keberkesanan mengambil respon awal seperti menutup pintu sempadan, menyediakan alat kelengkapan perubatan dan pelitup muka dan ujian saringan yang lebih banyak, kuarantin diri yang dipantau secara tegas oleh negara Thailand, Taiwan dan Brunei boleh dijadikan pengajaran. Selain itu, inovasi ujian saringan secara pandu lalu di Korea Selatan juga boleh dipraktikkan di Malaysia. Keberanian negara Korea Selatan membuka pintu sempadan dan tidak membuat kawalan pergerakan dipengaruhi oleh kemajuan teknologinya. Justeru Malaysia perlu mengorak langkah untuk membangunkan sumber sedia ada dari segi teknologi dan sebagainya.

Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang kurang pengalaman mengendalikan pandemik, namun negara kita sebenarnya telah berjaya menunjukkan kejayaan mengendali dan mengurangkan impak pandemik di kalangan penduduk. Bantuan kewangan yang berterusan dalam pelbagai aspek seperti moratorium dan bantuan PRIHATIN sesuai dengan keadaan penduduk. Justeru, sokongan berterusan perlu diberikan kepada pembuat dasar. Kawalan oleh pihak keselamatan perlu terus dilakukan bagi memastikan semua individu mengikut SOP kesihatan awam. Ini kerana, apabila berlaku kegagalan di sebahagian pihak melanggar SOP dan sebagainya, akan berlaku impak pertambahan kluster baharu.

Strategi pengawalan dan pencegahan penyakit yang diamalkan di Malaysia juga komprehensif. Malaysia pada peringkat awal melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020. Perintah kawalan ini melibatkan larangan pergerakan seperti pergerakan merentas negeri dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Selain itu ia turut melibatkan sekatan perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara serta kemasukan warga asing ke Malaysia. Langkah ini amat bertepatan memandangkan perjalanan udara harus dihadkan kecuali untuk kes-kes tertentu kerana ia dapat meningkatkan penularan pandemik ini

pada peringkat global. Seterusnya inisiatif mewajibkan pemeriksaan suhu di lapangan terbang dan premis-premis awam adalah satu langkah yang tepat bagi menyaring individu yang berpotensi dijangkiti daripada berhubungan terus dengan masyarakat sekeliling (Mohd. Helmy Mokhtar 2020). Selain itu, kempen berterusan mengamalkan normal baharu, dan pengenalan pakej rangsangan ekonomi telah diambil bagi menjaga kesejahteraan rakyat. Rakyat perlu mengamalkan norma baharu bagi membendung wabak seperti penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka, dan kuarantin agar tidak terdedah kepada jangkitan (Arina et al. 2020; Ain Umaira et al. 2020 & Asita Elengoe 2020).

## **2. Sorotan Literatur**

Kajian lepas dalam dan luar negara menunjukkan pandemik COVID-19 telah menyebabkan pihak kerajaan bertindak membangunkan polisi kecekapan negara masing-masing. Kebanyakan negara mengambil tindakan yang hampir sama seperti mengadakan kawalan ketat, lockdown, kuarantin, pengasingan pesakit, membangunkan penyampaian komunikasi dan teknologi maklumat seperti applikasi kesihatan, kesedaran kesihatan (memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan, menjaga jarak, kepentingan vaksin), ujian saringan dan sebagainya (Zhong, Luo & Li 2020; Wang et al. 2020); Oh et al. 2020; & Meng et al. 2021). Peranan penduduk dalam mematuhi peraturan memakai pelitup muka juga ditekankan sebagai punca kejayaan negara China dan Korea Selatan mengawal wabak. Hal ini disebabkan oleh pengalaman negara berkenaan ketika menghadapi pandemik SARS (Oh et al. 2020 & Peng et al. 2020). Namun menurut Zhong, Luo & Li (2020) sikap penduduk di China juga dipengaruhi oleh langkah kawalan yang sangat ketat oleh pihak pemerintah. Kajian Liu et al. (2020) telah menunjukkan peratusan rakyat China yang patuh kepada pemerintah dengan mengurangkan aktiviti secara bersemuka, memakai pelitup muka, dan menjaga kebersihan tangan walaupun tempoh kawalan ketat telah berakhir.

Langkah-langkah yang diambil sudah pasti meninggalkan impak dalam beberapa sudut. Kajian Jiang et al. (2020) menyatakan langkah komprehensif yang diambil kerajaan China telah menyebabkan keseluruhan rangkaian industri seperti pembuatan, pengangkutan, restoran dan industri lain menghadapi kesan ekonomi yang teruk. Dalam hal krisis pandemik Chung et al. (2020) menegaskan kepentingan kerajaan dalam menyokong dari segi kewangan dan sosial agar rakyat dapat menghadapi krisis ini dengan baik. Kesan negatif ini tidak dapat dielakkan dan sebaliknya masyarakat perlu melihat dari aspek yang positif. Menurut Ozili (2020) polisi kerajaan semasa pandemik boleh memberikan kesan sosial, ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Justeru ia perlu dilakukan dengan berhati-hati. Menurut Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim et al. (2020) pandemik global ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan, ekonomi, kehidupan sosial, psikologi masyarakat seperti panik, trauma, tekanan dan kemurungan tetapi juga memberi kesan kepada hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan, undang-undang dan peraturan baharu yang harus dipatuhi oleh rakyat sesebuah negara dalam usaha membendung wabak ini merebak. Di Malaysia, antara prosedur baharu dalam pergerakan sosial dan aktiviti harian seperti mengamalkan penjarakan sosial, tidak dibenarkan solat berjemaah di masjid, penutupan sekolah dan universiti, tidak dibenarkan bekerja di pejabat sebaliknya bekerja dari rumah, tidak dibenarkan makan di restoran, tidak boleh ziarah-menziarahi, tidak dibenarkan makan di restoran, tidak dibenarkan merentas negeri, perlu menitikberatkan kebersihan diri dan persekitaran. Pelbagai peraturan dan prosedur yang harus dipatuhi telah meninggalkan kesan psikologi serta ketidakelesaan rakyat kerana tidak dapat melakukan aktiviti harian seperti biasa. Tambahan pula, perkara seperti ini adalah pertama kali berlaku di Malaysia. Pada peringkat awal, ketaatan dan

kepatuhan rakyat kepada perintah dan peraturan ini memang sukar diterima. Dengan memberikan konsep ketaatan kepada pemimpin menurut Islam, Mohd Izhar et al. (2020) menyatakan ketaatan kepada pemimpin merupakan suruhan daripada Allah seperti yang tercatat dalam nas al-Quran (al-Nisa' ayat 59) dan al-sunnah. Hubungan rakyat dengan pemerintah adalah hubungan dua hala, kewajipan pemerintah ke atas rakyat adalah berlaku adil ke atas mereka dan memelihara hak-hak mereka. Manakala rakyat pula wajib memberikan kerjasama yang baik dalam sama-sama membangunkan negara dengan mentaati peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Dalam keadaan tersebarnya pandemik seperti COVID-19 hari ini, pemimpin negara telah mengeluarkan arahan dan garis panduan yang mesti dipatuhi oleh rakyat agar penularan wabak tidak meningkat ke tahap yang lebih serius. Tanggung jawab ini wajib dipikul bersama supaya penularan wabak dapat ditangani dengan baik. Ini kerana arahan tersebut adalah demi kebaikan rakyat sesebuah negara. Demi menjaga maslahat umum untuk rakyat Malaysia, maka perintah ini mestilah dipatuhi dan dilarang sama sekali mengingkarinya kerana ia akan mendorong kepada mudarat yang lebih besar untuk semua pihak (Mohd Izhar Ariff, Fariza, Zaizul & Mohamad Hedhayatullah. 2020). Pencegahan jangkitan pada peringkat awal oleh kerajaan Malaysia boleh mengurangkan kerugian ekonomi negara dan rakyat. Ini kerana langkah berkenaan akan menyebabkan kepada penggunaan wang ringgit yang banyak bagi tujuan perubatan di samping kelumpuhan ekonomi dunia. Ia juga boleh membantu mengurangkan kos perubatan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk merawat pesakit-pesakit COVID-19 (Mohd Izhar Ariff, Mohd Hafiz Safiai, Zaizul & Nur Aisyah 2020). Kerajaan bahkan sentiasa menambah baik tindakan dengan mewujudkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) 2021, darurat kesihatan dan pemberian suntikan vaksin COVID-19 2021 secara berkala. Langkah PKP diteruskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Penambahan kes sejak April 2021 menyebabkan langkah kawalan diteruskan sehingga Jun 2021. Langkah PKP adalah bertujuan untuk menyekat penularan jangkitan dengan mengadakan sekatan pergerakan melalui Sekatan Jalan Raya (SJR).

Untuk memulihkan kemusnahan ekonomi mikro (ekonomi individu dan keluarga) pula, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi Bantuan Prihatin Nasional (BPN), moratorium bayaran pinjaman bank dan bantuan perniagaan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Kerajaan juga membenarkan pengeluaran wang KWSP atau i-Lestari bagi kelangsungan hidup semasa pandemik. Menurut Ain Umaira et al. (2020) bantuan ini banyak memberi manfaat kepada semua pihak daripada pengusaha yang terjejas, barisan hadapan seperti pegawai perubatan sehinggalah golongan miskin B40 serta golongan bujang. Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) pula bermatlamat untuk memerangi pandemik COVID-19, memelihara kesejahteraan rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana respon penduduk terhadap semua polisi kerajaan yang diwujudkan bagi membantu golongan rentan. Bagaimanakah tahap penerimaan mereka terhadap bantuan PRIHATIN? Apakah tahap kepercayaan mereka terhadap usaha kerajaan menjaga kesejahteraan rakyat?


### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

Kajian ini dijalankan pada 1 hingga 14 Disember 2020 dengan menggunakan kaedah borang soal-selidik dalam talian (a *cross-sectional study*) dan sebahagian secara bersemuka. Saya

dibantu oleh enumerator lokal yang tinggal di kawasan ini. Mereka terdiri daripada ahli jawatankuasa persatuan penduduk, penghuni flat dan mereka telah diterangkan objektif kajian dijalankan. Mereka mengedarkan link di *whatsapp group* persatuan penduduk flat untuk menjawab soalan yang menggunakan format Google Form. Soalan dalam talian perlu dilakukan kerana ketika kajian dijalankan iaitu pada 1 hingga 14 Disember, keadaan di Selangor masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Kaedah persampelan *convenient sampling method* telah digunakan.

Kajian ini menggunakan soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A ialah mengenai demografi responden iaitu etnik, umur, status, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan jenis pendapatan. Bahagian B ialah untuk melihat pandangan penduduk terhadap dasar menjaga kesejahteraan rakyat semasa pandemik seperti kemudahan Bantuan Prihatin Nasional, kemudahan pengeluaran wang KWSP atau i-Lestari dan moratorium. Item 1 hingga 5 dibina bagi menilai tahap persetujuan. Soalan dibina menggunakan skala Likert iaitu bermula dari 1 (sangat tidak setuju-STs), 2 (tidak setuju-Ts), 3 (agak setuju-As), 4 (bersetuju-B) dan 5 (sangat setuju-SS). Pernyataan bagi menguji tahap persetujuan dibina mengikut skala Likert. Nilai Cronbach's Alpha bagi konstruk pandangan dasar kerajaan ialah 0.876. Analisis data dilakukan menggunakan program IBM SPSS Statistic 26. Analisis data dilakukan menggunakan program *IBM SPSS Statistic 26* iaitu analisis deskriptif dan ujian silang.

Sebanyak 261 responden telah mengambil bahagian dan tinggal di 15 kawasan perumahan pangsa kos rendah iaitu PPR Kota Damansara (55 responden); Gugusan Cempaka (33 responden) dan Gugusan Seroja (7 responden); Gugusan Siantan (27 responden); Gugusan Kantan (22 responden), Kemboja (24 responden), Kekwa (9 responden), Lily (14 responden), Casia (23 responden), Milia (7 responden), Tanjung (5 responden); Gugusan Semarak (8 responden), Melati (6 responden), Matahari (13 responden); dan Gugusan Dedap (10 responden).



RAJAH 1. Peta lokasi kawasan Kota Damansara, Selangor  
Sumber: Kerja makmal 2020

#### 4. Hasil Kajian dan Perbincangan

##### 4.1 Ciri-Ciri Demografi

Sejumlah 261 responden telah menjawab kaji selidik ini. Daripada jumlah keseluruhan, purata umur responden ialah 41 tahun, 158 lelaki (70.1%), 236 orang Melayu (90.4%), diikuti India (19%), Cina dan Bumiputera 2 orang (0.8%) 1). Majoriti responden telah berkahwin 183 (70.1%), 60 orang bujang (23%), 17 orang ibu atau bapa tunggal (6.5%). Kebanyakan responden mempunyai pendidikan di peringkat sijil iaitu 202 orang (77.4%) dan bekerja di sektor swasta 138 orang (52.9%). Seramai 158 responden berpendapatan tetap (60.5%), 103 orang tidak tetap dan 129 responden berpendapatan RM1000 dan ke bawah (Lihat Jadual 1).

JADUAL 1. Ciri-ciri demografi responden (N=261)

Kategori	Bilangan (n)	Peratus responden (%)
Etnik		
Melayu	236	90.4
Cina	4	1.5
India	19	7.3
Bumiputera (Sabah)	2	0.8
Umur		
19-29	60	23.0
30-39	61	23.4
40-49	66	25.3
50-59	51	19.5
60+	23	8.8
Gender		
Lelaki	158	60.5
Perempuan	103	39.5
Status		
Bujang	60	23
Berkahwin	183	70.1
Ibu tunggal	15	5.7
Bapa tunggal	2	0.8
Balu/janda	1	0.4
Pendidikan		
Sijil	202	77.4
Diploma	36	13.8
Ijazah	21	8
Sarjana	2	0.8
Pekerjaan		
Swasta	138	52.9
Kerajaan	24	9.2
Suri rumah	32	12.3
Pesara	24	9.2
Sendiri	29	11
Tidak bekerja*	14	5.4
Pendapatan (RM)		
0.00-1000	129	49.4
1001-2000	98	37.5
2001-3000	21	8
3001+	13	5

Jenis pendapatan		
Tetap	158	60.5
Tidak tetap	103	39.5

Sumber: Soal selidik 2020

#### 4.2 Tahap Persetujuan Terhadap Dasar Kerajaan (Bantuan Prihatin Nasional, Kemudahan i-Lestari (KWSP) dan Moratorium)

Dari segi analisis, analisis deskriptif berbentuk peratus dan min digunakan untuk menganalisis pernyataan tersebut. Seterusnya menjawab objektif kajian yang pertama iaitu melihat tahap persetujuan penduduk terhadap dasar menjaga kesejahteraan rakyat semasa pandemik. Terdapat lima pernyataan yang berkaitan dengan dasar kerajaan diwujudkan. Hasil analisis menunjukkan kesemua pernyataan menunjukkan nilai min melebihi 3.66 iaitu pada tahap tinggi. Ini menunjukkan tahap persetujuan penduduk terhadap semua kemudahan kerajaan semasa pandemik disambut dengan baik. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh keadaan penduduk yang memang memerlukan dari segi kewangan. Bagi kemudahan PRIHATIN seramai 96.6 responden bersetuju bahawa kemudahan ini sangat membantu sewaktu pandemik. Seterusnya diikuti oleh kemudahan pengeluaran wang KWSP atau i-Lestari dengan 91.9%; manakala peratus bantuan moratorium ialah sebanyak 89.7% responden bersetuju bahawa kemudahan ini meringankan beban mereka dalam menangani bebanan hutang bank (Lihat Jadual 2). Jelaslah bahawa ketiga-tiga kemudahan ini sangat memberi impak kepada penduduk. Dasar kerajaan ini bertepatan dengan keperluan penduduk.

JADUAL 2. Tahap persetujuan penduduk terhadap dasar kerajaan menyediakan kemudahan moratorium, bantuan PRIHATIN dan kemudahan KWSP (n=261)

Pernyataan	1	2	3	4	5	Min	S.p
	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat setuju		
Moratorium meringankan beban kewangan	-	4 (1.5%)	23 (8.8%)	66 (25.3%)	168 (64.4%)	4.5249	0.72081
Bantuan Prihatin sangat membantu keluarga	-	-	10 (3.8%)	42 (16.1%)	209 (80.1%)	4.7625	0.50866
Kemudahan KWSP amat efektif dalam fasa sukar pandemik	-	4 (1.5%)	17 (6.5%)	64 (24.5%)	176 (67.4%)	4.5785	0.68399
Dasar kerajaan membolehkan rakyat dapat menyimpan wang	1 (0.4%)	4 (1.5%)	37 (14.2%)	68 (26.1%)	151 (57.9%)	4.3946	0.81418
Dasar kerajaan dapat mengelakkan peminjam dari tertekan	-	3 (1.1%)	25 (9.6%)	65 (24.9%)	168 (64.4%)	4.5249	0.71546

Sumber: Soal selidik 2020

Dua soalan tambahan iaitu soalan keempat “dasar kerajaan telah membolehkan penduduk menyimpan wang” hanya menunjukkan 84% responden bersetuju. Begitu juga pernyataan “dasar kerajaan telah dapat mengelakkan peminjam dari tekanan” hanya 89.3%



bersetuju. Penurunan peratus ini dipengaruhi oleh kedudukan atau status responden yang tidak bekerja tetap, menjadi suri rumah yang tidak mempunyai simpanan yang baik dan tidak membuat pinjaman bank. Status mereka yang bekerja tidak tetap tidak membolehkan mereka membuat pinjaman kereta, rumah dan sebagainya. Tidak semua penduduk dapat menyimpan wang semasa pandemik. Kesukaran hidup semasa pandemik juga sudah tentu mendesak mereka berjimat cermat. Tempoh masa PKP yang lama, menyebabkan kemudahan wang KWSP atau i-Lestari dan Bantuan Prihatin Nasional digunakan untuk perbelanjaan di rumah. Selain itu, rata-rata penduduk berasa risau dan bimbang terhadap kemelesetan ekonomi yang terkesan akibat COVID-19. Di kalangan responden yang ditemu bual ada yang baru dibuang kerja dan masih mencari-cari peluang pekerjaan. Terdapat juga responden yang merupakan graduan dari kolej penerbangan juga tidak mendapat pekerjaan.

Jadual komposit min menunjukkan tahap persetujuan penduduk yang tinggi terhadap dasar kerajaan semasa pandemik dengan nilai skor min 4.6. Dari segi peratus, seramai 93.5% atau 244 orang responden bersetuju dengan segala tindakan kerajaan menjaga kesejahteraan mereka. Hanya 17 orang yang berada di tahap sederhana namun masih bersetuju dengan usaha murni ini (Lihat Jadual 3).

Jadual 3. Jadual komposit min bagi tahap persetujuan terhadap dasar kerajaan menyediakan kemudahan moratorium, bantuan PRIHATIN dan kemudahan KWSP semasa pandemik

Nilai klasifikasi min	n	Peratus	Min	S.p
1.0-2.32 rendah	0	-	4.6327	0.46687
2.33-3.65 sederhana	17	6.51		
3.66-5 tinggi	244	93.5		
Jumlah	261	100		

### 4.3 Harapan dan Sokongan Rakyat

Tiga pernyataan diwujudkan untuk melihat harapan dan sokongan responden terhadap kerajaan sedia ada. Pernyataan pertama menunjukkan bahawa seramai 95.8% responden berharap agar kerajaan akan terus membantu dengan menambahkan peruntukan untuk golongan B40. Hal ini disebabkan oleh tangga pendapatan mereka yang rendah, tidak tetap dan serba kekurangan. Berdasarkan pemerhatian saya, kebanyakan responden yang merupakan ketua keluarga bekerja seorang. Justeru pendapatan mereka perlu dikongsi dengan ramai ahli keluarga dan hidup serba sederhana.

Pernyataan kedua juga menunjukkan harapan yang tinggi untuk kerajaan menambah baik dasar sedia ada untuk kebajikan golongan B40. Seramai 96.2% responden bersetuju dengan pernyataan ini Contohnya bantuan dari segi pendidikan anak-anak, menambah baik kemudahan perumahan mereka yang sempit, infrastruktur yang lemah dan sebagainya. Akhir sekali

pernyataan “saya akan menyokong kerajaan ini yang menjaga kesejahteraan rakyat” menunjukkan seramai 96.9% bersetuju dan hanya 3.1% agak setuju (Lihat Jadual 4). Hal ini menunjukkan kepercayaan responden terhadap kerajaan telah meningkat kesan pemberian bantuan PRIHATIN kepada mereka.

JADUAL 4. Tahap persetujuan penduduk terhadap menambah peruntukan, menambah baik dasar kepada golongan B40, dan sokongan terhadap kerajaan(n=261)

Item	1 Sangat tidak setuju	2 Tidak setuju	3 Agak setuju	4 Setuju	5 Sangat setuju	Min	S.p
Saya berharap kerajaan menambah peruntukan untuk golongan B40	-	3 (1.1%)	8 (3.1%)	37 (14.2%)	213 (81.6%)	4.7625	0.55909
Saya berharap dasar kerajaan ditambah baik untuk kebajikan rakyat pendapatan rendah	-	-	10 (3.8%)	49 (18.8%)	202 (77.4%)	4.7356	0.52168
Saya akan menyokong kerajaan yang menjaga kesejahteraan masyarakat	-	-	8 (3.1%)	42 (16.1%)	211 (80.8%)	4.7778	0.48481

Sumber: Soal selidik 2020


Jadual 5 menunjukkan keseluruhannya, penduduk bersetuju pada tahap tinggi dengan nilai komposit min 4.75, supaya kerajaan terus menambah peruntukan untuk golongan B40, dasar kerajaan ditambah baik untuk menjaga kebajikan mereka dan menyokong kerajaan yang menjaga kesejahteraan mereka. Seramai 98.1% responden berada pada tahap tinggi dan hanya 1.9% sederhana (Lihat Jadual 5). Jelasnya harapan responden amat tinggi kepada kerajaan untuk menjaga kesejahteraan hidup mereka untuk menambah baik dasar kepada golongan B40.

JADUAL 5. Jadual komposit skor min bagi tahap persetujuan mengubah peruntukan, menambah baik dasar kepada golongan B40, dan sokongan terhadap kerajaan(n=261)

Nilai klasifikasi min	n	Peratus	Min	S.p
1.0-2.32 rendah	0	-	4.7586	0.42171
2.33-3.65 sederhana	5	1.9		
3.66-5.00 tinggi	256	98.1		
Jumlah	261	100		

Rajah 1 menunjukkan bilangan responden mengikut gender yang bersetuju dengan pernyataan “saya akan menyokong kerajaan yang menjaga kesejahteraan masyarakat”. Sebanyak 49% responden lelaki dan 31% responden perempuan sangat bersetuju menyokong kerajaan


yang menjaga kesejahteraan rakyat. Berdasarkan graf, baik golongan lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga menunjukkan sokongan tinggi terhadap kerajaan yang menjaga kesejahteraan rakyat dengan memberikan bantuan PRIHATIN. Berdasarkan temubual mereka rata-rata sangat gembira dengan pemberian kerajaan ini. Wang tersebut digunakan untuk belanja isi rumah semasa pandemik.



RAJAH 1. Graf bilangan responden mengikut gender yang bersetuju dengan pernyataan "saya akan menyokong kerajaan yang menjaga kesejahteraan masyarakat"  
Sumber: Soal selidik 2020

Dari segi tahap pendidikan, majoriti responden yang mempunyai sijil 63% atau 166 orang, sangat bersetuju bagi pernyataan ini, diikuti 10.3% responden yang mempunyai diploma, 6% ijazah dan 0.7 (Lihat Rajah 2). Kebanyakan responden yang tinggal di perumahan flat kos rendah ini walaupun mempunyai pendidikan asas atau sijil, mereka telah menyatakan sokongan terhadap kerajaan yang memerintah dan mengetahui siapa pembuat polisi yang baharu. Kerajaan baharu sekarang ialah kerajaan YDPA Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Jemaah menteri diketuai oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin (Wan Ahmad Fauzi, 2020) yang sangat prihatin dengan permasalahan rakyat.

Keseluruhan dapatan kajian ini selari dengan kenyataan Zaleha Yazid & Shifa Mohd.Nor (2020) yang menyatakan bahawa peranan pemimpin menghulurkan bantuan dan sokongan kepada pihak yang memerlukan akan membentuk kepercayaan jangka panjang dan juga membuka ruang bagi orang ramai untuk turut membantu antara satu sama lain. Kebijaksanaan kerajaan mengambil langkah bantuan PRIHATIN, kemudahan moratorium dan i-LESTARI dalam mengharungi pandemik telah mempersiapkan rakyat untuk mampu mengharungi cabaran semasa pandemik.



RAJAH 2. Graf bilangan responden mengikut gender yang bersetuju dengan pernyataan "saya akan menyokong kerajaan yang menjaga kesejahteraan masyarakat" mengikut tahap pendidikan  
Sumber: Soal selidik 2020

Sesungguhnya pandemik ini memberikan kesan berbeza kepada pelbagai lapisan masyarakat semasa dan pasca COVID-19. Reaksi yang diberikan oleh golongan rentan dalam menjawab soal-selidik ini menunjukkan majoriti responden tidak kira latar belakang amat menyokong usaha murni kerajaan dalam menjaga kesejahteraan masyarakat semasa pandemik. Tambahan pula mereka berada dalam ketidakpastian untuk mendepani masa hadapan lantaran sektor ekonomi semakin meruncing kesan pandemik. Banyak premis kedai di Kota Damansara yang telah menutup terus operasi mereka akibat kos sewa yang tinggi. Jenis pekerjaan mereka yang tidak tetap seperti menjadi pencuci lantai, pembantu peribadi, pemandu van dan lori, pembantu kedai, pengawal keselamatan, peniaga nasi lemak secara kecil-kecilan sesuai dengan taraf pendidikan mereka menyebabkan mereka sangat bimbang akan sumber kewangan mereka. Justeru bantuan yang diberikan kerajaan kepada mereka golongan rentan amat dihargai.

## 5. Kesimpulan

COVID-19 adalah virus yang agak baru yang mempunyai kesan buruk dalam waktu singkat sejak pertama kali dikesan pada bulan Disember 2019 (Arina et al. 2020). Sehingga kini, terdapat sedikit data yang diterbitkan mengenai pandangan penduduk terhadap kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi menjaga kesejahteraan rakyat semasa tempoh COVID-19, khususnya di Malaysia. Kebaharuan penyakit ini, bersama dengan ketidakpastiannya, menjadikan pihak kerajaan sentiasa merancang strategi yang sesuai untuk mempersiapkan dan menguruskan orang ramai. Namun, kajian ini telah menunjukkan bahawa masyarakat rentan di flat amat gembira dengan kemudahan KWSP, moratorium dan juga bantuan Prihatin. Responden keseluruhannya sangat bersetuju dengan semua usaha kerajaan dalam menjaga kesejahteraan masyarakat yang terkesan semasa pandemik. Justeru mereka menyambut baik usaha murni kerajaan ini dan memberi ruang kepada barisan hadapan mengendalikan pesakit COVID-19. Strategi Bantuan Prihatin Nasional dianggap sangat bermanfaat, diikuti enam bulan kemudahan

moratorium atau pinjaman bank dan PTPTN telah dapat mengurangkan impak kewangan di kalangan golongan rentan. Bahkan responden mengharapkan agar kesejahteraan mereka terus dijaga pada masa akan datang melalui dasar baharu yang ditambah baik. Responden juga menunjukkan sokongan atau kepercayaan yang tinggi kepada kerajaan yang menjaga kesejahteraan mereka. Dasar kerajaan seperti ini telah menunjukkan keprihatinan kepada mereka yang terjejas di kawasan perumahan kos rendah. Langkah ini sudah tentu menggembirakan mereka, dan secara tak langsung mengurangkan kesan-kesan lain yang timbul akibat masalah kewangan. Namun, limitasi kajian ini hanya terhad kepada golongan rentan penduduk di perumahan flat di bandar. Justeru kajian seterusnya perlu melihat dari aspek pandangan penduduk luar bandar.

## Rujukan

- Abdul Basir Mohamad. (2020). Pencegahan wabak COVID-19 menurut perubatan Islam. Dlm. Mohd Izhar Ariff Mohd. Kashim, Mohd. Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd. Adnan (Pnyt.). *COVID-19 dan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ain Umaira, Syafiqah, Rathedevi, Nor Kamariah, Azmawani, Zamberi, Aini dan Mohamed Thariq. (2020). Covid-19 outbreak in Malaysia: Action taken by the Malaysia government. *International Journal of Infectious Diseases* 97: 108-116. <https://dx.doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093>
- Arina, Mohammad Rezal, Sern, T.J., Suffian Hadi, & Emma. 2020. Public knowledge, attitudes and practices towards Covid-19: A cross-sectional study in Malaysia. *Plos one*,15(5), e0233668. <https://dx.doi.org/10.1371/journal.pone.0233668>
- Asita Elengoe. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and research*
- Abdul Basir Mohamad. (2020). Pencegahan wabak COVID-19 Menurut Perubatan Islam. Dlm. Mohd Izhar Ariff Mohd. Kashim, Mohd. Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd. Adnan (Pnyt.). *COVID-19 dan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chung, Calvin King Lam, Jiang Xu, and Mengmeng Zhang. (2020). "Geographies of Covid-19: how space and virus shape each other." *Asian Geographer* 37, no. 2 (2020): 99-116. <https://doi.org/10.1080/10225706.2020.1767423>
- Djalante, R., Lassa, J., Setiamarga, D., Sudjatma, A., Indrawan, M., Haryanto, B., ... & Warsilah, H. (2020). Review and analysis of current responses to Covid-19 in Indonesia: Period of January to March 2020. *Progress in Disaster Science*, 6, 10009 <https://dx.doi.org/10.1016/j.pdisas.2020.1000911>.
- Javed, B., Sarwer, A., Soto, E. B., & Mashwani, Z. U. R. (2020). The coronavirus (COVID-19) pandemic's impact on mental health. *The International journal of health planning and management*, 35(5), 993-996. Dicapai di <https://dx.doi.org/10.1002/hpm.3008>.
- Jiang, Z., Wang, X., Wang, H., Lu, G., Wang, G., Zhang, X., & Gong, X. (2020). The Impact and Opportunities of COVID-19 on China. *Journal of Service Science and Management*, 13(03), 558. <https://doi.org/10.4236/jssm.2020.133036>
- KKM. (2020a). Kenyataan akhbar KPK 30 Disember 2020. Situasi semasa jangkitan penyakit Coronavirus 2019 di Malaysia. <https://kpkkesihatan.com/2020/12/30/kenyataan-akhbar-kpk-30-disember-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>

- KKM. (2020b). Kenyataan akhbar KPK 5 Mei 2021. Situasi semasa jangkitan penyakit Coronavirus 2019 di Malaysia. <https://kpkkesihatan.com/2021/05/05/kenyataan-akhbar-kpk-5-mei-2021-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- Li, B. Z., Cao, N. W., Zhou, H. Y., Chu, X. J., & Ye, D. Q. (2020). Strong policies control the spread of COVID-19 in China. *Journal of medical virology*, 92(10), 1980-1987. <https://dx.doi.org/10.1002/jmv.25934>.
- Liu, X., Luo, W. T., Li, Y., Li, C. N., Hong, Z. S., Chen, H. L., ... & Xia, J. Y. (2020). Psychological status and behavior changes of the public during the COVID-19 epidemic in China. *Infectious diseases of poverty*, 9, 1-11. Dicapai di <https://idpjournal.biomedcentral.com/articles/10.1186/s40249-020-00678-3>
- Meng, F., Gong, W., Liang, J., Li, X., Zeng, Y., & Yang, L. (2021). Impact of different control policies for COVID-19 outbreak on the air transportation industry: A comparison between China, the US and Singapore. *PloS one*, 16(3), e0248361. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0248361>
- Mohd Helmy Mokhtar. (2020). Konsep Wabak COVID-19 Menurut Perspektif Perubatan. Dlm. Mohd Izhar Ariff Mohd. Kashim, Mohd. Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd. Adnan (Pnyt.). *COVID-19 dan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim, Fariza Md. Sham, Zaizul Ab. Rahman & Mohamad Hedhayatullah Mohamad. (2020). Konsep Ketaatan kepada Pemimpin dalam Menangani Wabak menurut Islam. Dlm. Mohd Izhar Ariff Mohd. Kashim, Mohd. Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd. Adnan (Pnyt.). *COVID-19 dan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izhar Ariff, Mohd Hafiz Safiai, Zaizul & Nur Aisyah. (2020). Pencegahan wabak COVID-19 menurut Maqasid Syariah. 2020. Dlm. Mohd Izhar Ariff Mohd. Kashim, Mohd. Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd. Adnan (Pnyt.). *COVID-19 dan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oh, J., Lee, J. K., Schwarz, D., Ratcliffe H. L., Markuns, J. F., & Hirschhorn, L. R. (2020). National Response of COVID-19 in the Republic of Korea and Lessons Learned for other Countries. *Health System and Reforms.*, 6(1), e1753464. Dicapai di <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/32347772/>
- Ozili, P. (2020). COVID-19 in Africa: socio-economic impact, policy response and opportunities. *International Journal of Sociology and Social Policy*. *International Journal of Sociology and Social Policy* <https://doi.org/10.1108/IJSSP-05-2020-0171>.
- Peng, Y., Pei, C., Zheng, Y., Wang, J., Zhang, K., Zheng, Z. & Zhu, P. (2020) A cross-sectional survey of knowledge, attitude and practice associated with COVID-19 among undergraduate students in China. *BMC Public Health*, 20(1), 1-8. <https://bmcpublihealth.biomedcentral.com/articles/10.1186/s12889-020-09392-z>
- Sohrabi, C., Alsafi, Z., O'Neill, N., Khan, M., Kerwan, A., Al-Jabir, A., Losifidis, C. & Agha, R. (2020). World Health Organization declares global emergency: A review of the 2019 novel coronavirus (Covid-19). *International journal of surgery*, 76, 71-76. <https://dx.doi.org/10.1016/j.ijssu.2020.02.034>
- Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain. (2021). Polemik Perisytiharan Darurat 2021. *Dewan Masyarakat* Bil03/2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Wang, C. J., Ng, C. Y., & Brook, R. H. (2020). Response to Covid-19 in Taiwan: big data analytics, new technology, and proactive testing. *Jama*, 323(14), 1341-1342. <https://dx.doi.org/10.1001/jama.2020.3151>
- World Health Organization. (2020). Who Director-General's Opening remarks at the media briefing on Covid-19-10 April 2020. Dicapai di <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-Covid-19---10-april-2020>
- Wu, Y. C., Chen, C. S., & Chan, Y. J. (2020). The outbreak of COVID-19: an overview. *Journal of the Chinese medical association*, 83(3), 217. doi: 10.1097/JCMA.0000000000000270
- Zafir Mohd Makhbul, Nor Liza Abdullah & Fazilah Mohamad Hasun. (2020). Pandemik COVID-19 dan Insan. Dlm. Zafir Mohd Makhbul, Nor Liza Abdullah & Fazilah Mohamad Hasun (Pnyt.). *Impak COVID-19 Terhadap Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaleha Yazid & Shifa Mohd Nor. (2020). Kepimpinan dalam Persekitaran Pandemik COVID-19 dan Insan. Dlm. Zafir Mohd Makhbul, Nor Liza Abdullah & Fazilah Mohamad Hasun (Pnyt.). *Impak COVID-19 Terhadap Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhu, N., Zhang, D., Wang, W., Li, X., Yang, B., Song, J., ... & Tan, W. (2020). A novel coronavirus from patients with pneumonia in China, 2019. *New England journal of medicine*. DOI: 10.1056/NEJMoa2001017
- Zhong, B.L., Luo, W., Li, H.M., Zhang, Q. Q., Liu, X. G., Li, W.T., & Li, Y. (2020). Knowledge, attitudes, and practices towards Covid-19 among Chinese residents during the rapid rise period of the Covid-19 outbreak: a quick online cross-sectional survey. *International Journal of Biological Sciences* 16(10), 1745-1752. <https://dx.doi.org/10.7150/ijbs.45221>